

<p><b>HELAIAN PENERANGAN PRODUK</b> (Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan memilih “IKHLAS Kembara Takaful”. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat.)</p>	<p><b>TAKAFUL IKHLAS BERHAD</b> (Didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 and dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia)</p>																									
	<p><b>IKHLAS KEMBARA TAKAFUL</b></p>																									
	<p>Tarikh : 21/01/2015</p>																									
<p><b>1) Produk apakah ini?</b></p> <p>Produk ini akan membayar pampasan kepada anda semasa perjalanan bagi Kecederaan Tubuh Badan akibat Kemalangan, yang mana kecederaan ini sepenuhnya dan bebas dari apa-apa sebab lain yang mengakibatkan anda mengalami hilang keupayaan atau menyebabkan anda perlu menjalani perubatan atau berlakunya kematian. Pampasan akan dibayar kepada waris anda yang dinamakan atau wakil anda yang sah.</p>																										
<p><b>2) Apakah konsep Syariah yang digunapakai?</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>Tabarru'</b> - bermaksud derma bagi tujuan perpaduan dan kerjasama di kalangan Peserta-peserta Takaful dan akan digunakan untuk membantu Peserta Takaful yang ditimpa musibah. Di dalam konteks Takaful IKHLAS, Tabarru' akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko.</li> <li>• <b>Wakalah</b> - bermaksud agensi. Di dalam konteks ini, ia merujuk kepada kontrak di antara Syarikat dan Peserta Takaful di mana Peserta Takaful melantik Syarikat untuk menguruskan dana bagi pihak Peserta, yang membenarkan Syarikat untuk mengenakan yuran Wakalah.</li> </ul> <p><b>Nota :</b> Sila rujuk kepada Sijil kontrak Takaful untuk maklumat lanjut.</p>																										
<p><b>3) Apakah perlindungan/manfaat yang ditawarkan?</b></p> <table border="1" data-bbox="180 1178 1531 1556"> <thead> <tr> <th>Manfaat</th> <th>Pelan A (RM)</th> <th>Pelan B (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan</td> <td>10,000.00</td> <td>20,000.00</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan Pengkebumian</td> <td>500.00</td> <td>1,000.00</td> </tr> <tr> <td>Pembatalan atau Pemendekkan Perjalanan</td> <td>1,000.00</td> <td>2,000.00</td> </tr> <tr> <td>Perlindungan Bagasi</td> <td>1,000.00 dengan had 200.00 setiap item</td> <td>2,000.00 dengan had 400.00 setiap item</td> </tr> <tr> <td>Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan</td> <td>1,000.00</td> <td>2,000.00</td> </tr> <tr> <td>Elaun Hospital</td> <td>2,500.00</td> <td>5,000.00</td> </tr> <tr> <td>Liabiliti Diri</td> <td>50,000.00</td> <td>100,000.00</td> </tr> </tbody> </table> <p><b>Nota :</b> Sila rujuk carta manfaat untuk kematian dan hilang keupayaan kekal di dalam Sijil kontrak Takaful.</p>			Manfaat	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)	Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	10,000.00	20,000.00	Perbelanjaan Pengkebumian	500.00	1,000.00	Pembatalan atau Pemendekkan Perjalanan	1,000.00	2,000.00	Perlindungan Bagasi	1,000.00 dengan had 200.00 setiap item	2,000.00 dengan had 400.00 setiap item	Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan	1,000.00	2,000.00	Elaun Hospital	2,500.00	5,000.00	Liabiliti Diri	50,000.00	100,000.00
Manfaat	Pelan A (RM)	Pelan B (RM)																								
Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	10,000.00	20,000.00																								
Perbelanjaan Pengkebumian	500.00	1,000.00																								
Pembatalan atau Pemendekkan Perjalanan	1,000.00	2,000.00																								
Perlindungan Bagasi	1,000.00 dengan had 200.00 setiap item	2,000.00 dengan had 400.00 setiap item																								
Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan	1,000.00	2,000.00																								
Elaun Hospital	2,500.00	5,000.00																								
Liabiliti Diri	50,000.00	100,000.00																								
<p><b>4) Berapakah jumlah Sumbangan Takaful yang perlu dibayar?</b></p> <p>Jumlah Sumbangan Takaful yang perlu anda bayar mungkin bergantung kepada keperluan pengunderaitan.</p> <p>Tempoh perlindungan : _____ hari/ bulan</p>																										

	Jumlah dilindungi (RM)	Sumbangan Takaful (RM)
• Kematian/ Hilang Keupayaan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	_____	_____
• Perbelanjaan Pengkebumian	_____	_____
• Pembatalan atau Pemendekkan Perjalanan	_____	_____
• Perlindungan Bagasi	_____	_____
• Pembayaran Balik Perbelanjaan Perubatan	_____	_____
• Elaun Hospital	_____	_____
• Liabiliti Diri	_____	_____

Anggaran jumlah Sumbangan Takaful yang anda perlu bayar ialah : RM \_\_\_\_\_

Tertakluk kepada Sumbangan Takaful minimum sebanyak RM50.00.

### 5) Apakah yuran dan caj yang perlu dibayar?

Berikut adalah yuran dan bayaran yang dikenakan:

Bayaran yang perlu dijelaskan disamping jumlah Sumbangan Takaful :-

- Cukai Perkhidmatan (jika ada) : 6% dari Sumbangan Takaful
- Duti Setem : RM10.00

Bayaran lain yang termasuk dalam jumlah Takaful Sumbangan :-

- Yuran Wakalah -
  - ✓ Komisen : sehingga 25% dari Sumbangan Takaful
  - ✓ Perbelanjaan Pengurusan : 35% dari Sumbangan Takaful

Bayaran yang perlu dijelaskan jika anda membatalkan Sijil Takaful ini :-

- Yuran Pembatalan : RM10.00

**Nota:** Caj-caj yang dikenakan Takaful IKHLAS tidak termasuk cukai yang mungkin dikenakan di masa hadapan (termasuk cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP)). Dengan pelaksanaan CBP, Takaful IKHLAS berhak untuk mengutip semula sebarang cukai yang dikehendaki oleh undang-undang daripada Peserta Takaful.

### 6) Apakah terma dan syarat utama yang perlu diketahui?

#### Had umur

- 3 tahun sehingga 65 tahun

#### Kepentingan Pendedahan

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau patut tahu, jika tidak, Sijil Takaful ini akan dianggap tidak sah.

#### Pampasan / Tanggungan

- Kami akan membayar pampasan di atas kematian atau kecederaan (Hilang Keupayaan Kekal) berdasarkan kepada "Jadual Manfaat" yang disertakan di dalam Sijil Takaful. Walau bagaimanapun tuntutan untuk rawatan perubatan, pampasan anda adalah berdasarkan pengembalian jumlah

perbelanjaan sebenar tertakluk kepada had yang dinyatakan di dalam Sijil Takaful. Anda tidak dibenarkan membuat tuntutan berganda bagi perbelanjaan perubatan yang sama.

#### **Tunai Sebelum Perlindungan**

- Adalah menjadi asas dan syarat mutlak perjanjian Sijil Takaful ini di mana Sumbangan Takaful tempohnya telah matang mesti dibayar dan diterima oleh pihak kami sebelum tarikh perlindungan berkuatkuasa. Sekiranya syarat ini tidak dipatuhi, Sijil Takaful akan menjadi tidak sah dan terus terbatal.
- Anda digalakkan untuk membayar Sumbangan Takaful terus kepada kami, sama ada secara tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dinamakan ke atas pihak Syarikat sahaja).

#### **Lebihan**

- Pihak Syarikat akan mengenakan Caj Pengurusan Lebihan (SAC) sebanyak 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap akhir tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh mengenakan caj SAC kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar mengikut budi bicara dan kesesuaian. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) daripada Dana Risiko akan diperuntukkan seluruhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Sekiranya jumlah untuk Peserta Takaful kurang daripada RM10 untuk setiap Sijil Takaful, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko.

### **7) Apakah pengecualian utama yang terdapat di dalam Sijil Takaful ini?**

Sijil Takaful ini tidak melindungi kematian atau hilang keupayaan kekal yang disebabkan oleh :

- Peserta Takaful terlibat atau cubaan di dalam sebarang aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- peperangan, serangan, perbuatan musuh asing, permusuhan (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), peperangan sivil, pemberontakan, revolusi, pemberontakan atau rampasan kuasa, mogok, rusuhan, kekecohan awam, kebangkitan tentera atau kebangkitan popular di mana Peserta Takaful secara langsung atau tidak langsung mengambil bahagian atau terlibat walau apa jua dalam aktiviti-aktiviti tersebut;
- Penglibatan di dalam aktiviti keganasan;
- gila, bunuh diri (sama ada siuman atau tidak siuman) atau apa-apa percubaan ke arah itu oleh Peserta Takaful;
- kecacatan atau kelemahan fizikal atau mental sedia wujud Peserta Takaful;
- jangkitan bakteria atau virus, apa-apa penyakit, rawatan perubatan atau pembedahan (kecuali sebagaimana yang perlu semata-mata akibat kecederaan yang dilindungi oleh Sijil Takaful ini dan dilaksanakan dalam masa yang tertera di dalam Sijil Takaful ) kepada Peserta Takaful;
- bersalin, keguguran, kehamilan atau apa-apa komplikasi yang berkaitannya kepada Peserta Takaful;
- perbuatan asakan atau serangan yang dimulakan oleh Peserta Takaful yang menyebabkan dirinya terbunuh pembunuhan atau serangan ke atas Peserta Takaful;
- sebarang perlakuan yang melanggar Undang-undang Sivil atau Syariah dan prinsip-prinsipnya oleh Peserta Takaful;
- hilang keupayaan kekal yang sedia ada atau kecederaan tubuh badan Peserta Takaful;
- penyalahgunaan bahan, alkohol dan/ atau dadah oleh Peserta Takaful;
- sebab-sebab lain yang dilarang oleh Undang-undang dan prinsip-prinsip Syariah.

**Nota :** *Senarai ini bukan senarai yang lengkap. Sila rujuk Sijil kontrak Takaful untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah Sijil Takaful ini.*

**8) Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?**

Anda boleh membatalkan Sijil Takaful ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pulangan Sumbangan Takaful untuk kadar pro rata bagi tempoh Sijil Takaful yang telah berkuatkuasa. Tiada pulangan Sumbangan Takaful dibenarkan jika ada sebarang tuntutan di bawah Sijil Takaful ini.

**9) Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan kepada maklumat untuk dihubungi?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

**10) Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai Takaful Kemalangan Diri, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* mengenai "Takaful Kemalangan Diri" yang boleh didapati dari semua cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara Takaful anda atau layari laman web [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai *IKHLAS* Kembara Takaful, sila hubungi kami di:

**TAKAFUL IKHLAS BERHAD**

Jabatan Pengurusan Pelanggan  
IKHLAS Point  
Tower 11A, Avenue 5  
Bangsar South  
No. 8 Jalan Kerinchi  
59200 Kuala Lumpur

No. Telefon : 03-2723 9999

No. Faks : 03-2723 9998

Laman Web : [www.takaful-ikhlas.com.my](http://www.takaful-ikhlas.com.my)

E-mel : [ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my](mailto:ikhlascare@takaful-ikhlas.com.my)

**11) Produk seumpama yang boleh didapati?**

- *IKHLAS* Personal Accident Takaful
- *IKHLAS* Motorist PA Takaful

**NOTA PENTING :**

**ANDA DINASIHATKAN UNTUK MENGAMBIL PERHATIAN SKALA MANFAAT UNTUK KEMATIAN DAN HILANG KEUPAYAAN KEKAL DALAM SIJIL TAKAFUL ANDA. ANDA MESTI MENCALONKAN PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL TAKAFUL KEMALANGAN DIRI YANG ANDA TELAH SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

*Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 21/01/2015*